

13/11/2003

Amerika silap strategi takluk Iraq

KETENTERAMAN yang dijangka oleh Amerika Syarikat (AS) akan wujud di Iraq selepas kerajaan Saddam Hussein digulingkan kini tinggal mimpi saja. Malah keadaan bukannya bertambah baik tetapi semakin menjadi hari-hari yang mengerikan bagi askar AS dan sekutunya. Serangan negara kuasa besar tunggal dunia ke atas Iraq dengan alasan bagi menghapuskan keganasan kini berubah membawa padah. Ia kini terbukti membawa kesan lebih buruk kepada dunia, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Akibatnya AS yang menganggap ia sebagai pembebas bagi rakyat Iraq, sudah bertukar menjadi penakluk yang dibenci di negara itu. Langkah keselamatan diambilnya bagi memerangi keganasan juga turut membawa kesukaran dan menjejaskan sektor pelancongan selain merugikan syarikat penerbangan.

Jelas AS tersilap langkah ketika mengatur strategi membanteras dan menangani keganasan kerana menakluk sesebuah negara merdeka dan berdaulat bukanlah caranya. Maka tidak hairanlah rakyat yang ditakluki dan hidup di tengah-tengah huru-hara melahirkan perasaan tidak puas hati dan kebencian dengan melancarkan serangan bagi mengusir askar AS dari bumi Iraq. Pengalaman pahit AS ketika cuba menegakkan demokrasi dan mengekang komunis di Vietnam nampaknya tidak mengajarnya betapa kesan buruk akibat mengerah askar menakluk negara lain. Rakyat Vietnam yang sepatutnya dibela dan dibantu oleh AS, akhir terpinggir menyebabkan petani miskin menyokong Vietkong memerangi askar AS. Seperti kata Dr Mahathir, tindakan dan dasar AS bertujuan menghapuskan keganasan kini lebih menyusahkan daripada mengatasi masalah itu.